

PERUBATAN ISLAM

Perubatan Islam adalah satu usaha dalam merawat penyakit yang berasaskan wahyu Ilahi yang diambil dari petunjuk Al-Quran dan As-Sunnah, yang juga dikenali sebagai Pengubatan Nabi Muhammad Sallallahu 'alaihi wasallam dan merupakan satu cabang alternatif dari cabang ilmu perubatan.

Manakala perbomohan pula suatu kaedah ikhtiar mengubati penyakit secara tradisional menggunakan tumbuh-tumbuhan herba dan jampi tertentu berdasarkan pengalaman yang dipelajari secara turun temurun.

Allah menyuruh setiap hambaNya berusaha mencari penawar bagi setiap penyakit yang dihadapi. Usaha tersebut merupakan satu ibadah bagi seorang Muslim yang mencari keredhaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Hukum mengamalkan pengubatan alternatif atau komplimentari adalah harus, dengan syarat ianya tidak mengandungi perkara-perkara yang bertentangan dengan syarak.

Kaedah rawatan yang dibenarkan : i) Minum; ii) Sapu; iii) Mandi; iv) Renjis; v) Tepuk; vi) Kebas; vii) Hembus; atau viii) Kaedah lain yang tidak memudharatkan dan tidak menzalimi pesakit, serta dilakukan secara berhikmah.

Kaedah yang tidak dibenarkan : i) Bedah batin; ii) Perbuatan yang memudharatkan atau menzalimi pesakit; atau iii) Mana-mana kaedah yang bercanggah dengan hukum syarak.

Etika Pengubatan Islam

Sebelum Merawat :

- Memastikan pesakit dirawat di ruang yang bersesuaian iaitu pengamal perlu mempunyai premis khas untuk menjalankan rawatan; 8 Garis Panduan Amalan Pengubatan Dan Perbomohan Menurut Islam
- Memohon izin daripada pesakit sebelum menjalankan rawatan;
- Memohon izin daripada waris atau penjaga untuk merawat pesakit sekiranya berlainan jantina atau pesakit tidak mampu dari segi mental atau di bawah umur (kurang daripada 18 tahun);

- Memastikan waris pesakit berada bersama pengamal dan pesakit sekiranya pesakit dan pengamal berlainan jantina;

- Tidak dibenarkan untuk menentukan dan mengumumkan makhluk halus atau benda ghaib yang mempengaruhi kesihatan pesakit secara terperinci seperti menyatakan bilangan jin yang mengganggu dan sebagainya;

- Tidak dibenarkan mendakwa mendapat ilmu daripada mimpi;

- Merekodkan daftar pesakit dan menjaga kerahsiaannya;

- Memberi penerangan yang jelas tentang punca, kaedah rawatan dan kos;

- Memastikan pesakit dan juga pengamal mengenakan pakaian yang menutup aurat.

Semasa Merawat:

- Memulakan sesi rawatan dengan bacaan doa atau ayat-ayat Al-Quran yang jelas, serta mengikut tertib;

- Memastikan jenis penyakit yang hendak dirawat sama ada penyakit fizikal, qalbu atau gangguan makhluk halus/sihir;

- Pengamal perlu berkomunikasi dengan berkesan semasa sesi rawatan;

- Tidak dibenarkan menjalankan perkara yang di larang didalam Pengubatan Islam;

- Perlu menjaga aurat pesakit semasa sesi rawatan dengan kadar yang munasabah;

- Bagi rawatan bekam, hanya peralatan bekam yang telah disteril sahaja dibenarkan;

- Peralatan yang telah digunakan untuk merawat pesakit HIV/AIDS tidak boleh dikongsikan dengan pesakit lain; dan

- Tidak dibenarkan mengambil atau merakam gambar menggunakan peralatan audio-visual semasa sesi rawatan dijalankan kecuali dengan kebenaran pesakit

Selepas Merawat:

- Tidak dibenarkan membekalkan azimat, tangkal atau susuk, samada daripada ayat Al-Quran atau bahan lain;

- Tidak dibenarkan mensyaratkan 'pengeras' untuk sesuatu rawatan; dan

- Memberi nasihat kepada pesakit mengenai amalan, wirid atau doa tertentu untuk diamalkan mengikut jenis rawatan yang diterima.

Larangan-Larangan Dalam Pengubatan Islam

(a) Sumber Ambilan dan Bacaan:

- Menyalahgunakan ayat Al-Quran dalam perawatan, seperti menambah, mengurang atau menterbalikkan susunan ayat AlQur'an;

- Menggunakan kitab Al-Quran dengan cara yang tidak wajar, seperti menggantung Al-Quran dan menunggunya berpusing atau tidak untuk dijadikan alasan tertentu bagi sesuatu (istihza');

- Menggunakan lafaz-lafaz, perkataan atau tulisan yang kurang jelas erfinya, lucu atau tidak sah disebutannya;

- Menggunakan azimat, tangkal atau susuk, samada daripada ayat Al-Quran atau bahan lain;

- Penggunaan wafak, kerana tanpa akidah yang sempurna, boleh menjerumuskan pengguna kepada syirik; atau

- Mendakwa mendapat ilmu daripada mimpi, ilham, bisikanbisikan dan kitab-kitab yang tidak sah sumbernya.

(b) Perawat:

- Mendakwa dirinya kasyaf, dapat mengetahui dan melihat perkara-perkara ghaib; atau

- Pengijazahan hanya melalui cakera padat, buku, internet, atau apa sahaja cara tanpa berguru

(c) Cara Merawat dan Kaedah Rawatan yang Digunakan:

- Sebarang kaedah rawatan yang meragukan seperti melakukan rawatan di dalam bilik yang gelap;

- Menjalankan pembedahan batin yang dilakukan secara ghaib yang batil dan/atau dengan bantuan makhluk halus atau secara makrifat;

- Menggunakan perantara seperti asap kemenyan, tembakau, colok dan sebagainya, serta mengamalkan perbuatan 'menurun' atau menyemah;

- Perbuatan atau kaedah yang mendatangkan keraguan atau bersifat menghina agama Islam;

- Menggunakan ilmu hitam atau sihir sebagai media perawatan;

- Meminta pertolongan makhluk halus dalam rawatan; atau

- Perbuatan merawat premis dengan menggunakan perkara-perkara dan kaedah-kaedah yang dilarang Islam.

(d) Bahan-bahan Rawatan:

- (i) Penggunaan bahan-bahan yang najis seperti khinzir, anjing, darah, bangkai, arak dan sebagainya;
- (ii) Bahan yang dikaitkan dengan sihir seperti minyak dagu, minyak pengasih, minyak senyonyong, minyak cenuai, nasi tangas dan sebagainya; atau
- (iii) Bahan yang dikaitkan dengan pemujaan seperti kain kapan, tanah kubur, senjata lama, tulang-belulang, rambut dan sebagainya.

BACAAN RUQYAH SYAR'IYYAH

Secara bahasa : ar-Ruqyah (الرُقْيَةُ) bentuk jamaknya Ar-Ruqaa (الرُقَى) ertinya Jampi, Mantera, Suwuk, Rapal.

Secara Istilah:Doa dan perlindungan (penjagaan) dengan membaca ayat-ayat al-Quran al-Karim, Nama-Nama Allah dan Sifat-Sifat-Nya, disamping doa-doa syar'i yang menggunakan bahasa arab atau selain bahasa arab yang diketahui maknanya, disertai hembusan nafas; untuk menghilangkan penderitaan, penyakit atau semua macam hajat."

Sejarah Ruqyah

Ruqyah atau pengubatan dengan teknik-teknik tertentu sudah dikenal dan dipraktikkan sejak masa Jahiliyyah, akan tetapi pada saat itu praktik ruqyah banyak mengandung unsur khurafat dan kesyirikan.

Dari 'Ubadah bin Ash-Shamit beliau berkata:

"Di masa jahiliyyah dulu aku meruqyah kerana (sengatan) kalajengking dan 'ain (sorotan mata yang jahat). Tatkala aku masuk Islam, aku memberitahunya kepada Rasulullah S.A.W. Rasulullah S.A.W. bersabda: 'Perlihatkan ruqyah itu kepadaku!' Lalu aku menunjukkannya kepada beliau. Beliau pun bersabda: 'Pakailah untuk meruqyah, karena tidak mengapa (engkau) menggunakannya'." (HR. At-Thabrani)

Dalil-Dalil Ruqyah

Allah Ta'ala berfirman :

" Dan Kami turunkan dari Al Quran suatu yang menjadi obat dan rahmat bagi orang-orang yang beriman." (Al-Isra':82)

Ayat ini menjelaskan kepada kita bahwa al-Quran merupakan ubat dan penawar bagi umat Islam yang mengimani dan membenarkannya, ubat bagi hati dari kejahilan dan keraguan serta penyakit hati, dan juga sebagai ubat dari penyakit medik ataupun non medik.

Ciri-Ciri Gangguan Makhluk Halus Dan Sihir

Dalam kehidupan.

- sukar mendapat pekerjaan.
- sukar menyimpan wang dan banyak dihabiskan untuk perubatan atau lainnya.
- ada orang berjanji ingin menolong tapi sebaliknya
- sering ditolak apabila mencari pekerjaan atau menjadi buntu.
- membuka perusahaan atau berniaga tetapi gagal dan rugi. Ini terjadi secara beransur - ansur dan berulang-ulang.
- terhalang untuk berumah tangga dan selalu gagal dalam perhubungan. Bahkan menjelang hari pernikahan hatinya merasa kurang yakin dan akhirnya terbatal.
- sukar mendapat anak kerana sering keguguran. Adakalanya apabila mula hamil janinnya hilang begitu saja. Mengalami pendarahan yang terus menerus dan tidak wajar dan sebagainya.

Mental yang tidak wajar.

- Perasaan marah yang berlebihan.
- Menghadapi tekanan perasaan yang kuat.
- Sedih yang berpanjangan dan keterlaluan.
- Merasa gelisah dan sentiasa cemas dan berdebar.
- Tidak mampu menumpukan perhatian pada sesuatu urusan dan kerja dan mudah lupa.
- Apabila melihat sesuatu yang aneh atau mendengar sesuatu yang ganjil mudah hilang kawalan perasaan dan akal.
- Hubungan suami isteri tidak normal dan sering mencetuskan perbalahan. Ketika salah seorang berbicara maka yang satu lagi akan keresahan. Jika bersentuhan salah seorangnya akan merasa tidak suka dan tidak senang tanpa ada alasan apapun. Kebiasaannya terjadi kepada pihak isteri.

Rujukan:

1. كياي حاج عبد العزيز مشوي. كتاب الفيوضات الربانية (2006)
2. الإمام العلامة الفقيه المجتهد محمد علي الشوكاني.
3. كتاب تحفة الذاكرين (1988) مؤسسة الكتب الثقافية، بيروت-لبنان.



RUQYAH SYAR'IYYAH (PERUBATAN ISLAM)



TEAM R & D

BAHAGIAN PENYELIDIKAN

JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR

Aras 1, Blok A, Pusat Islam Iskandar Johor,
Jalan Masjid Abu Bakar, Karung Berkunci 725, 80990 Johor
Bahru, Johor.

Telefon : 07-228 2944 Faks : 07-2244244

Email : bahagianpenyelidikan@gmail.com

Facebook : <http://Jainj.johor.gov.my/>

1439 H / 2018 M

Ditashihkan oleh : Jabatan Mufti Johor